



**Pengemaskinian Garispandu Penggunaan Pengangkutan Awam
Dalam Langkah-Langkah Pengawalan Wabak Covid-19
Bermula 18 Muharram 1442 H bersamaan dengan 7 September 2020**

<p>Pengusaha-pengusaha Pengangkutan Awam adalah dibenarkan untuk beroperasi 100% kapasiti duduk kenderaan. Walaubagaimanapun, Pengusaha Pengangkutan Awam serta penumpang-penumpang adalah masih perlu mematuhi garispandu yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.</p>	
<p>Garispandu yang perlu dipatuhi oleh penumpang</p>	<ul style="list-style-type: none">i. Mengimbas QR code Bruhealth sebelum masuk Pengangkutan awam. Hanya Code Hijau dan Kuning sahaja dibenarkan untuk menggunakan Pengangkutan Awam;ii. Pemakaian sungkup muka (<i>face mask</i>) ketika dalam kenderaan Pengangkutan Awam dan sepanjang perjalanan;iii. Elakkan sentuhan fizikal (<i>physical contact</i>).iv. Elakkan bersebang-sembang semasa di dalam kenderaan.v. Pemeriksaan suhu badan sebelum menaiki kenderaan.vi. Bagi penumpang bas, hendaklah duduk sepanjang perjalanan.
<p>Garispandu yang perlu dipatuhi oleh Pengusaha, Pemandu dan Konduktor:</p>	<ul style="list-style-type: none">i. Pengusaha –pengusaha hendaklah menyediakan BruHealth QR Code di pintu dan dalam kenderaan;ii. Pemandu (dan Konduktor) hendaklah memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) ketika bertugas di dalam kenderaan Pengangkutan Awam;iii. Elakkan sentuhan fizikal (<i>physical contact</i>).iv. Elakkan bersebang-sembang semasa di dalam kenderaan



**Pengemaskinian Garispandu Penggunaan Pengangkutan Awam
Dalam Langkah-Langkah Pengawalan Wabak Covid-19
Bermula 18 Muharram 1442 H bersamaan dengan 7 September 2020**

	<ul style="list-style-type: none">v. Hendaklah memeriksa suhu badan setiap penumpang sebelum masuk kenderaan dan tidak membenarkan masuk mana-mana penumpang yang kurang sihat atau mempunyai sebarang simptom pernafasan;vi. Menyediakan cecair pembersih tangan (<i>hand sanitizers</i>), tisu kertas tangan pakai buang dan tong sampah di dalam Pengangkutan dan bas awam;vii. Pemandu Pengangkutan awam (dan kondaktor bas) hendaklah sentiasa membersihkan semua permukaan di dalam kenderaan yang sering disentuh oleh penumpang seperti tempat duduk dan rel tangan (<i>hand rails</i>) dan sebagainya;viii. Pemandu (dan konduktor bas) perlu sentiasa mencuci tangan; danix. Jendela bagi Pengangkutan Awam adalah disarankan untuk dibuka semasa membawa penumpang.x. Pemandu (dan Konduktor bas) adalah disarankan untuk tidak menerima penumpang-penumpang melebihi kapasiti tempat duduk dan tidak menerima penumpang tambahan untuk berdiri dalam bas-bas pengangkutan awam di sepanjang perjalanan
--	---



**Pengemaskinian Garispandu Penggunaan Pengangkutan Awam
Dalam Langkah-Langkah Pengawalan Wabak Covid-19
Bermula 18 Muharram 1442 H bersamaan dengan 7 September 2020**

Jika terdapat tanda-tanda demam, selsema atau jangkitan COVID-19, maka individu berkenaan tidak dibenarkan untuk menaiki kenderaan dan disarankan untuk berjumpa doktor bagi mendapatkan sebarang nasihat sebelum pulang ke rumah.

Jabatan Pengangkutan Darat dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) juga ingin mengingatkan kepada Pengusaha-Pengusaha Pengangkutan Awam yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan adalah boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

Dalam pada itu adalah dipohonkan kerjasama dari semua Pengusaha-Pengusaha Pengangkutan Awam dan orang ramai untuk sentiasa memberikan kerjasama dalam menjalankan tanggungjawab sosial bagi mengurangkan risiko jangkitan dan juga mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.